

# Anuar tidak akan letak jawatan NC

Oleh ASUKI ABAS,  
ZULKIFLI JALIL  
dan AZIAN AZIZ

KUALA LUMPUR 30 Jun — Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Profesor Datuk Dr. Anuar Zaini Mohd. Zain, tidak akan tunduk kepada tekanan agar beliau meletakkan jawatan.

Menurutnya, dakwaan bahawa beberapa kejadian buruk yang berlaku di UM baru-baru ini berpunca dari kelemahan pentadbiran beliau hanyalah pandangan peribadi pihak tertentu sedangkan beliau telah menjalankan tugas seperti yang dipertanggungjawabkan.

“Tidak, itu pandangan mereka. Saya ada tugas dan saya melakukan tugas saya sebagaimana yang diarahkan dan diamanahkan oleh pemimpin negara,” katanya ketika ditanya sama ada beliau akan tunduk kepada desakan Puteri UMNO supaya beliau meletakkan jawatan.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas perasmian Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru (SPATIMAB) oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Peninggana, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Auditorium Kompleks Perdanasiswa di UM, hari ini.

Semalam, dalam memorandum yang diserahkan oleh Ketua Puteri UMNO, Azalina Othman Said, pergerakan itu mendesak Dr. Anuar Zaini meletakkan jawatan berikutan beberapa insiden buruk yang berlaku di universiti berkenaan sejak sebulan lalu.

Antaranya ialah penerbitan majalah *Varsiti 2001* yang menghina pemimpin negara, pengedaran risalah menghalang kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan kebakaran yang berlaku di Dewan Tunku Canselor (DTC) universiti itu.

Kebakaran DTC awal pagi semalam dipercayai ada kaitan dengan usaha menghalang Perdana Menteri mengadakan dialog dengan wakil pelajar institusi pengajian tinggi awam tempatan pada penutup SP-ATIMAB, Ahad ini.

Menurut Dr. Zaini, UM mempunyai atur cara dan kaedah sendiri untuk menangani masalah yang timbul di universiti itu.

## Membuta tuli

“Kita ada caranya dan kita tidak membuat sesuatu secara membuta tuli.

“Kalau kita dapat tangkap, kita tahu mereka (buat), kita akan kenakan tindakan,” katanya.

Beliau berkata, UM sebelum ini telah mengambil tindakan terhadap beberapa pelajar yang dikenal pasti menyertai beberapa persatuan yang tidak berdaftar dengan universiti.

“Mana yang kita tahu kita dah berikan kata dua, sama ada teruskan (keahlian) dan kita ambil tindakan atau letakkan jawatan (dalam persatuan),” ujarnya.

Menurut beliau, antara punca pelbagai kegiatan tidak diingini berlaku di UM adalah kerana lokasi universiti itu yang berada di tengah-tengah ibu kota menjadi tumpuan pertemuan pelbagai pihak.

“Sesiapa sahaja boleh datang ke kampus dan memancing kita akui mereka yang bersimpati (dengan anasir-anasir luar) itu memang ada, mungkin sebab ada yang mempengaruhi mereka,” katanya.

Oleh sebab itu, tambahnya, pihak UM mahu mengadakan kegiatan-kegiatan seperti SPATIMAB bagi menyedarkan pelajar bahawa tujuan mereka memasuki menara gading adalah untuk pembangunan intelektual, ilmu dan profesionalisme.